

Katekismus kecil dan Katekismus Besar Luther
(Sumber Bahan Pendidikan Kristian untuk keluarga Kristian Masa Kini)

Katekismus adalah bahagian yang penting didalam gereja dan seorang penganut didalam menyediakan pendidikan Kristian yang sistematik dan memperbaiki putaran formasi kerohanian. Ianya dengan objektif, matlamat, dan keperluan meyebabkan Luther menulis draf katekismus kecil. (salinan pelajar) dan Katekismus Besar (Salinan guru). Sejak dulu dan hingga sekarang, Katekismus Kecil dan Besar terus digunakan secara meluas sebagai alat pendidikan Kristian yang utama di dalam persekutuan keluarga dan juga di dalam konteks pemuridan di Gereja. Apakah Katekismus ini dan mengapakah ianya penting? Katekismus selalunya berbentuk umum ataupun secara amnya menjelaskan tentang pemuridan. Di dalam bahasa Yunani KATECHEO bermaksud mengajar dan menjelaskan doktrin asas Kristian dengan objektif untuk meningkatkan formasi kerohanian dan juga kematangan. Apakah yang mendorong Luther untuk menulis Katekismus tersebut adalah dengan berdasarkan apa yang dia telah lihat dan alami sendiri ketika lawatan pastoral beliau. Diamenulis “Ya Allah berilah belas kasihanMu, inilah kesengsaraan yang aku alami! orang-orang kampung,terutamanya mereka yang dari orang kebanyakan, tidak mengetahui langsung mengenai ajaran kristian...” (Penerangan Luther: Volume 4, Penulisan Pastoral, 4: 212). Dia merujuk kepada keperluan dan kekurangan modul pendidikan Kristian yang dipermudahkan, yang mana ianya lebih mudah digunakan, dan mempercepatkan penerbitan katekismus Kecil dan Katekismus Besar.

Sejarah memperingati Katekismus adalah bahagian yang terpenting di dalam kehidupan Kristian. Cara Luther menulis Katekismus Kecil dan Katekismus Besar bertujuan untuk memberikan ringkasan yang terperinci mengenai kebenaran yang asas mengenai Iman orang Kristian, terutamanya untuk mendidik orang muda dan menjadi alat bagi ibubapa yang ingin mendidik anak-anak mereka. Katekismus – katekismus ini digunakan untuk panduan bagi bapa / ibu untuk mengajar isi-isi penting mengenai doktrin alkitab kepada anak-anakdan juga para pelayan. Untuk mengekalkan cara yang mudah ini dan kesahihan istilah Teologi, Luther menggunakan soalan yang mudah dan contoh jawapan untuk menjelaskan kebenaran alkitab dan aplikasinya. Ianya menyediakan ringkasan atau penerangan mengenai Sepuluh Hukum Terutama, Pengakuan Iman, DOa Bapa Kami, Sakramen Pembaptisan, Sakramen Altar (Perjamuan Kudus), dan juga Kunci – Kunci Pelayanan dan pengakuan, dimana ianya lebih senang difahami oleh guru dan juga pelajar. Tujuannya adalah untuk meyediakan penjelasan mengenai ajaran-ajaran alkitab, iaitu Firman sahaja adalah sumber iman. (Efesus 2:20). Bagi Luther, pendidikan Kristian diterapkan melalui penggunaan sistematik katekismus, dibina berasaskan Firman, dan membimbing orang-orang muda di dalam perjalanan kerohanian mereka dan juga pemuridan. Oleh itu, dia menulis, “ diatas semua itu, pembacaan yang paling utama bagi semua org , sama ada di university dan di sekolah, haruslah Firman Tuhan – dan Bagi anak-anak muda, Injil. Dan bagi Allah, Setiap Bandar haruslah mempunyai sekolah bagi para perempuan juga, dimana perempuan ini diajar mengenai Injil selama satu jam setiap hari samaada dalam bahasa Jerman atau bahasa Latin. Begitu juga di sekolah! Biara-biara dan juga biarawati.sepatutnya bermula sejak dahulu lagi dengan pendapat itu dan ia juga berharga bertujuan untuk Kristian... Ianya tidak benar bahawa setiap orang Kristian tahu keseluruhan Injil ketika berumur Sembilan atau sepuluh? Adakah dia tidak mengambil namanya dan kehidupannya daripada injil?” (To the Christian Nobility – Luther’s works, American Edition (AE), vol.44, pp. 205 -206).

Walau bagaimanapun, pada masa kini di Asia, oleh sebab kepelbagaian konteks dalam agama dan berkaitan dengan kepekaan persekitaran, kebanyakan sekolah, tidak dibenarkan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan, Namun, keluarga dan Gereja telah menjadi sebuah institusi yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk meneguhkan iman orang-orang Kristian dan membolehkan kematangan rohani di dalam kanak-kanak dan remaja. Pembawa salib di masa hadapan. Ianya kerana Katekismus Luther didatangkan dalam bentuk senang dibawa. Luther tetap percaya bahawa ibubapa bertanggungjawab untuk memainkan peranan yang penting sebagai seorang pelatih Kristian dengan memetik ayat dari Mazmur 78, “ Yang terpenting daripada semuanya, iaitu perintah Tuhan, melalui Musa menyeru dan melibatkan ibubapa lebih kerap untuk memberikan tunjuk ajar kepada anak-anak seperti yang disebut didalam Mazmur 78: Dengan sesungguhnya Dia memerintahkan Bapa kita untuk mengajar anak-anak mereka untuk mengajar anak kepada anak mereka (Mazmur 78:5-6). Ini juga merupakan bukti di dalam perintah Allah yang keempat, iaitu, anak-anak haruslah taat kepada ibu bapa mereka adalah sangat tegas sehinggakan menghukum anak yang derhaka dijatuhkan hukuman mati (Ulangan 21:18-21)., Sesungguhnya, untuk apakah tujuan bagi

kita orang-orang tua, selain yang perlu kita jaga, mengajar, dan membesarkan anak-anak? Ianya disebut bahawa ianya adalah mustahil untuk orang-orang yang masih muda dan bodoh untuk mengajar dan melindungi diri mereka. Inilah sebabnya mengapa Allah telah mengamanahkan mereka kepada kita yang lebih tua dan belajar dari pengalaman apa yang terbaik untuk mereka. Dan Allah akan mengharapkan agar kita boleh diharapkan untuk mereka.” (To the Christian Nobility – Luther’s Works, American Edition (AE), Vol. 44, p. 353)

Seperti yang disebutkan dalam sejarah, katekismus Luther ditulis dengan objektif yang sangat terperinci yang menasaskan pada pendidikan Kristian. Pada masa ini, selalunya ia dipanggil pendidikan pembentukan iman. Soalan yang sering ditanya pada masa ini adalah sejauhmana keberkesanan dan relevannya Katekismus Luther di dalam konteks masa ini. Beberapa pengkritik merasakan bahawa bentuk tradisi ataupun konvensional katekismus ini, walaupun direka untuk memudahkan para pelajar untuk mengingat kebenaran doktrin, ianya adalah tidak sesuai untuk penggunaan pada masa ini. Terutamanya seperti format, (melalui penggunaan soalan-soalan dan jawapan) adalah difahami dapat membantu untuk mengajar pra-dominan, populasi yang tidak berkaitan mengenai asas Kekristianan, berbanding dengan anak-anak masa ini. Secara kontra, memandangkan situasi Pandemik COVID, dimana kanak-kanak tidak dibenarkan untuk menghadiri Sekolah Minggu secara fizikal, menyertai ibadah pujian penyembahan, dan tidak boleh mengambil bahagian dalam program atas talian kerana masalah internet, ibubapa mula sedar dan melihat akan keperluan dan relevannya Katekismus tersebut. Banyak isirumah, guru-guru Sekolah Minggu dan persekutuan kebajikan belia telah mula memandang kebaikan Katekismus tersebut. Ianya dalam bentuk mudah difahami beserta dengan jawapan yang diberikan secara langsung menjadikan penulisan dan aplikasi mudah. Mari kita melihat semula Katekismus Kecil dan Katekismus Besar Martin Luther untuk melihat bagaimana ianya memberikan manfaat kepada keluarga kita dan juga jemaat kita.

Wilfred J Samuel – Pengarah
Lutheran Study Center